



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 6 TAHUN 2013**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri
Semua Pengarah Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Dan Cawangan

**TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2013**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan tahun 2013 oleh Kementerian/ Jabatan kepada Pejabat Perakaunan bagi melicinkan urusan penutupan dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun kewangan 2013.

2. TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN

Tarikh akhir penyerahan dokumen kepada Pejabat Perakaunan bagi tahun kewangan 2013 telah ditetapkan seperti berikut:

BULAN	JENIS DOKUMEN KEWANGAN	TARIKH AKHIR
Disember 2013	Baucar Bayaran Manual	23 Disember 2013
	Dokumen Kewangan eSPKB	26 Disember 2013
Januari 2014 (AKB 2013)	Baucar Bayaran Manual	08 Januari 2014
	Baucar Bayaran eSPKB	08 Januari 2014
	Penyata Pemungut eSPKB	08 Januari 2014
	Baucar Jurnal eSPKB	08 Januari 2014
	Baucar Bayaran (kuiri)	09 Januari 2014
	Waran Peruntukan Manual	09 Januari 2014
	Waran Peruntukan eSPKB	09 Januari 2014

3. PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN SELEPAS TARIKH YANG DITETAPKAN

- 3.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa perkhidmatan/ bekalan yang diterima dalam tahun 2013 tetapi tidak sempat dikemukakan bayarannya sebelum tarikh yang telah ditetapkan maka bayaran berkenaan perlu dicaj kepada Vot tahun 2014. Bagi bayaran sedemikian, kelulusan khas di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum bayaran diluluskan; dan

- 3.2 Semua baucar bayaran yang diluluskan oleh Kementerian/ Jabatan tetapi ditolak/ dikuiri oleh Pejabat Perakaunan, baucar-baucar berkenaan hendaklah diproses semula dan diserahkan selewat-lewatnya pada 09 Januari 2014 bagi membolehkannya dibayar dalam tempoh Akaun Kena Bayar (AKB). Jika lewat, baucar-baucar ini hendaklah dibayar dalam tahun kewangan 2014 di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).

4. PERUBAHAN TARIKH

Perlu diingatkan bahawa **tarikh-tarikh penyerahan dokumen ini adalah tertakluk kepada pindaan**. Oleh itu semua Kementerian/jabatan dinasihati supaya segera menyelesaikan semua urusan dan tidak menunggu sehingga tarikh-tarikh akhir.

5. PENUTUP

Semua Kementerian/ Jabatan diminta untuk merancang dengan teliti pengurusan kewangan bagi memastikan penyerahan dokumen kewangan dan semua urusan prosesan waran peruntukan, bayaran, terimaan dan perakaunan bagi tahun kewangan 2013 dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATO' HAWAZAIN BINTI SHAARI

Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

09 Disember 2013

s.k:

Ketua Audit Negara